
PRIVACY NOTICE

This Privacy Notice ("Privacy Notice") have been prepared to informed you on how Yayasan Telekom Malaysia ("YTM" processed your date including your personal data when you interacted or dealt with you either through this website or through any mean or method or form. For your information, this website is owned by Telekom Malaysia Berhad ("TM") and operated by Yayasan Telekom Malaysia ("YTM") (collectively referred as "**We**" or "**Us**" or "**Our**"). Hence, we are taking our responsibility seriously under the Malaysian Personal Data Protection Act 2010 ("Act") as we are aware of the importance of your personal data entrusted to us.

For the purpose of this Privacy Notice, "Personal Data" refers to any type of personal data provide to us, for example, Name, National Registration Number (NRIC No.)/ Passport Number, address, email, any information derived from your transaction with us, such as, telephone number, account number, account balance, payment record and account activities. "Sensitive Personal Data" means those information which include but not limited to medical record, physical and mental form of customers, political opinion, belief or believe, for instance, acts, alleged wrongful acts (under the law) or any other Personal Data as determined by the law.

What do We Collect and Process?

We collect information by using the following methods:

- ◆ The information furnished to us through any interaction and/or transaction with us via any medium, means or method or any other way including but not limited to our application form located in this website.

How We Use The Personal Information?

If you apply for a scholarship with us, we will collect the personal information as set out in the application form and such information will be used for the following purposes:-

- ◆ processing your application for Yayasan Telekom Malaysia sponsorship programme;
- ◆ carrying out character/credit checks;
- ◆ to notify you regarding the status / result of your application for Yayasan Telekom Malaysia Sponsorship;
- ◆ responding to your enquiries;
- ◆ research purposes including historical and statistical purposes;
- ◆ general operation and maintenance of the sponsorship provided herein including audit and its related website(s);
- ◆ verification purposes;
- ◆ matching any data held by us or our group of companies relating to you, your parents and legal guardians from time to time; and
- ◆ assessing your application or continued provisioning of the products and services provided by YTM (and/or YTM's group of alumni and/or TM Group of Companies).

By submitting the personal information to us, you consent and authorise us obtaining and verifying any information about you, your parents and/or legal guardian which we may require in connection with your application and/or any other existing scholarships, allowances and other forms of financial aid provided by us and/or review of the existing account(s) with us from any third party, especially credit bureau or reference agencies. This information shall include information relating to your family members and/or legal guardian.

Such consent and authorization herein will extend to any information obtained from any of the existing scholarships, allowances, other forms of financial aid and account(s) presently maintained for you, your parents and/or legal guardian, any new application for any form of the existing scholarships, allowances and other forms of financial aid provided by us, such historical financial or credit records, data or information whether or not provided personally or by any other sources relating to you, your parents and/or legal guardian which was collected, gathered, received, captured, compiled, secured and/or obtained by us through or by whatever means or methods or forms.

Disclosure of the Personal Information

If you choose to apply for the Yayasan Telekom Malaysia sponsorship programme, your personal information may be shared with the following parties for the purposes stated above:-

- our service providers or agents who are involved in providing services relating to the purposes of which the personal information is collected;
- third parties (including those overseas) who provide data processing services;
- any credit reference agencies or, in the event of default, any debt collection agencies;
- any person, who is under a duty of confidentiality to which has undertaken to keep such data confidential, which we have engaged to fulfil its obligations to you;
- TM Group of Companies;
- YTM's group of alumni; and
- any actual or proposed assignee, transferee, participant or sub-participant of our rights or business.

The personal information may be disclosed due to reasons of law, legal process, litigation, and/or requests from public and governmental authorities and any disclosure will be to such public and governmental authorities only. We may also disclose information about you, your parents and/or legal guardian if we determine that for purposes of national security, law enforcement, or other issues of public importance, disclosure is necessary or appropriate.

Integrity and Access to the Personal Information

You may request that we correct such information if it is incorrect, inaccurate or not up to date or to delete it if it is no longer applicable or not required for us to retain such information.

However, we reserve the right to decline to process requests which jeopardize the security and privacy of the personal information of others as well as requests which are impractical or not made in good faith.

Where you elect to limit our right to process the personal data, you may do so in writing to TM via TM's corporate website at www.tm.com.my. For avoidance of doubt, the limitation does not include processing of mandatory personal data. We reserve the right to decline to process requests which jeopardize the security and privacy of the personal information of others as well as requests which are impractical or not made in good faith.

Retention of the Personal Information

The personal information will be retained by us only for the period necessary for the purposes of processing your application for the Yayasan Telekom Malaysia sponsorship programme (if applicable) as well as for maintaining your profile account at this website unless further retention period is required in which we will obtain further consent from you through notifications via email, telephone or letter or if such extended retention is permitted by law.

Data Security

We make use of technical and physical measures such as using leading technologies including Secure Socket Layer (SSL) / Transport Layer Security (TLS) protocols for your use of this website in relation to any transmission of personal information from you to us via this website. We also make use of encryption software to safeguard any data given to us and strict administrative and security standards are maintained to prevent unauthorized access, disclosure, alteration and destruction. To safeguard the personal information, all electronic storage and transmission of personal information are secured and stored with appropriate secured storage as well as other relevant security technologies.

Information about other individuals

If you give us information about another person, for example, your parents and legal guardians' personal information, you confirm that the other person has appointed you to act on his/her behalf and has agreed that you can:

- give consent on his/her behalf to the processing of his or her personal information;
- receive in his/her behalf any data protection notices; and
- warrant that you have obtained his/her consent for us to store his/her personal information.

Cookies

When you visit our website or use our online services, our website will create a 'cookie'. A 'cookie' is a piece of information, like a tag, which some websites create against your PC.

Our 'cookie' stores some basic information which helps us to identify if you have visited the site before and if you have provide you with some personalized content such as welcoming you by name if you have supplied this in a previous visit. However, as it is based on your PC, we will not find the 'cookie' if you visit our website from a different PC to the one you registered on.

We use only 'non-persistent cookies' or 'per-session cookies' which serves technical purposes like switching the languages of the website. These cookies do not permanently record data and they are not stored on your computer's hard drive. Once you close your browser, the cookie is deleted.

What Happens When I Link to Another Site?

This website contains links to other websites, within our organizations and other parties. This privacy policy applies only to our site and you should be aware that other sites linked by this website may have different privacy policies and we highly recommend that you read and understand the privacy statements of each site.

Changes to this Policy

YTM shall have the right to amend this privacy policy. Please regularly visit this website to get the latest information regarding this privacy policy.

Notis Privasi

Notis Privasi ini ("Dasar Privasi") telah disediakan untuk memaklumkan anda tentang bagaimana Yayasan Telekom Malaysia ("YTM") memproses maklumat anda termasuk data peribadi apabila anda berinteraksi dan / atau berurusan dengan kami sama ada melalui laman web ini atau dalam mana-mana medium, kaedah atau cara. Untuk makluman, laman web ini yang dimiliki oleh Telekom Malaysia Berhad ("TM") dan dikendalikan oleh YTM (secara kolektif dirujuk sebagai "Kami" atau "Kami" atau "kami"). Oleh itu, kami mengambil tanggungjawab kami di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia ("Akta") serius kerana kami menyedari kepentingan data peribadi yang anda telah diamanahkan kepada kami.

Untuk tujuan Dasar Privasi ini, "Data Peribadi" adalah merujuk kepada sebarang data peribadi yang diberikan kepada Kami, sebagai contoh, Nama, Kad Pengenalan/Nombor Pasport, alamat, alamat e-mail, maklumat transaksi dengan Kami seperti nombor telefon, nombor akaun, baki akaun, rekod pembayaran, dan aktiviti akaun. "Data Peribadi Sensitif" mengandungi maklumat seperti maklumat kesihatan atau keadaan fizikal dan mental pelanggan, pendapat politik, kepercayaan atau kepercayaan seumpamanya, perlakuan atau tuduhan perbuatan kesalahan (di bawah undang-undang) atau lain-lain Data Peribadi yang ditetapkan oleh undang-undang.

Apa Yang Kami Kumpul Dan Proses?

Kami mengumpul maklumat dengan cara yang berikut:

- Maklumat yang anda beri kepada kami melalui interaksi dan / atau transaksi anda dengan kami melalui mana-mana medium, kaedah atau cara termasuk tetapi tidak terhad kepada borang permohonan kami di dalam laman web ini;

Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi?

Jika anda memohon biasiswa dengan kami, kami akan mengumpul maklumat peribadi seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan. Maklumat tersebut akan digunakan untuk tujuan-tujuan berikut: -

- ◆ Memproses permohonan anda untuk program penajaan pembelajaran YTM;
- ◆ Menjalankan pemeriksaan peribadi / kredit;
- ◆ Untuk memberitahu anda mengenai status / keputusan permohonan penajaan pembelajaran YTM;
- ◆ Maklum balas kepada pertanyaan anda;
- ◆ Tujuan kajian ini dibuat untuk memberikan latar belakang perkembangan perkara ini termasuklah daripada segi sejarah dan statistik jumlah penggunaan;
- ◆ Tujuan operasi dan penyelenggaraan untuk sistem penajaan yang disediakan di sini termasuk audit dan semua laman web berkaitan;
- ◆ Tujuan pengesahan;

- ◆ Tujuan memadankan mana-mana data yang disimpan oleh kami atau kumpulan syarikat kami berkaitan dengan anda, ibu bapa anda dan penjaga yang sah daripada semasa ke semasa; dan
- ◆ Tujuan menilai permohonan anda atau untuk meneruskan perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh YTM (dan/atau alumni YTM dan/atau Syarikat Kumpulan TM).

Dengan menyerahkan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dan membenarkan pihak kami untuk memperoleh dan mengesahkan apa-apa data yang mungkin akan digunakan oleh pihak kami dalam memproses permohonan anda. Maklumat ini juga mungkin akan digunakan bagi memeriksa dan mengesahkan mana-mana biasiswa lain yang telah anda perolehi daripada pihak kami, elaun dan lain-lain bentuk bantuan kewangan yang disediakan oleh pihak kami dan / atau menyemak akaun-akaun yang sedia ada dengan pihak kami daripada mana-mana pihak ketiga, terutama daripada biro kredit atau agensi rujukan. Maklumat ini merangkumi maklumat keluarga anda dan/atau penjaga anda yang sah di sisi undang-undang.

Persetujuan dan kebenaran anda di atas akan merangkumi apa-apa maklumat yang diperolehi daripada mana-mana biasiswa, elaun yang anda telah perolehi, lain-lain bantuan kewangan dan akaun yang diselia untuk pihak anda, ibu bapa anda dan/atau penjaga anda yang sah di sisi undang-undang. Maklumat tersebut juga akan merangkumi apa-apa permohonan baru bagi apa-apa bentuk biasiswa, elaun dan lain-lain bantuan kewangan yang telah anda perolehi daripada pihak kami, sejarah dan rekod kewangan, data atau informasi yang diberikan sama ada secara sukarela atau melalui mana-mana sumber yang berkaitan dengan anda, ibu bapa anda dan / atau penjaga anda yang sah di sisi undang-undang, di mana maklumat tersebut yang dikumpulkan, dihimpunkan, diterima, dirakamkan, disusun dan/ atau diperolehi oleh kami melalui atau dengan apa jua cara atau kaedah atau bentuk.

Pendedahan Data Peribadi

Jika anda memilih untuk memohon program penajaan YTM, data peribadi anda akan dikongsi atau diproses oleh pihak-pihak berikut bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas: -

- ↯ Pembekal perkhidmatan atau ejen-ejen kami yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan yang berkaitan dengan data peribadi;
- ↯ Pihak ketiga (termasuk yang berada di luar negara) yang menyediakan perkhidmatan pemprosesan data;
- ↯ Mana-mana agensi rujukan kredit atau, sekiranya berlaku keingkaran, mana-mana agensi kutipan hutang;
- ↯ Mana-mana individu, yang berada di bawah perkhidmatan kerahsiaan yang telah diamanahkan untuk menyimpan data sulit, di mana kami terlibat untuk memenuhi kewajipannya kepada anda;

- ☞ Syarikat Kumpulan TM;
- ☞ Alumni YTM; dan
- ☞ Mana-mana pemegang serah hak, penerima pindahan, peserta sebenar atau yang dicadangkan atau sub-peserta kepada hak atau perniagaan kami atau mana-mana pihak berkenaan.

Data peribadi anda mungkin akan didedahkan atas sebab-sebab undang-undang, proses undang-undang, tindakan undang-undang, dan / atau permintaan daripada pihak berkuasa awam dan pihak kerajaan dan sebarang pendedahan yang dibuat adalah untuk pihak berkuasa awam dan pihak kerajaan tersebut. Kami juga boleh mendedahkan data mengenai anda, ibu bapa anda dan / atau penjaga anda yang sah di sisi undang-undang sekiranya kami berpandangan bahawa pendedahan tersebut adalah perlu dan berpatutan daripada segi keselamatan negara, penguatkuasaan undang-undang, atau isu-isu lain untuk kepentingan awam.

Integriti dan Akses kepada Data Peribadi

Anda boleh meminta pihak kami membetulkan data peribadi anda yang terdapat dalam rekod kami sekiranya data tersebut tidak benar, tidak tepat atau tidak terkini atau untuk memadamkannya jika ia tidak lagi berkenaan atau tidak diperlukan oleh pihak kami untuk menyimpan data tersebut.

Walau bagaimanapun, kami berhak menolak permohonan anda sekiranya permohonan anda mungkin akan menjejaskan keselamatan dan privasi data peribadi individu lain atau menurut pandangan kami permohonan anda adalah tidak praktikal atau tidak dibuat dengan jujur.

Anda boleh memilih untuk menghadkan hak kami untuk memproses data peribadi anda secara bertulis kepada TM melalui laman web korporat TM di www.tm.com.my. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, pilihan anda untuk menghadkan hak kami tidak memansuhkan hak kami untuk memproses mana-mana data peribadi yang mandatori. Pihak kami juga berhak untuk menolak sebarang permohonan yang mungkin akan menjejaskan keselamatan dan privasi data peribadi individu lain atau menurut pandangan kami permohonan anda adalah tidak praktikal atau tidak dibuat dengan jujur.

Penyimpanan Maklumat Peribadi

Pihak kami akan menyimpan data peribadi anda untuk satu tempoh yang diperlukan oleh kami untuk memproses permohonan anda bagi program penajaan pembelajaran Yayasan Telekom Malaysia (jika berkenaan) dan juga untuk mengekalkan akaun profil anda di laman web ini, melainkan sekiranya pihak kami memerlukan sebarang lanjutan tempoh pengekalan, pihak kami akan mendapatkan kebenaran daripada pihak anda

melalui notis yang akan diberikan melalui e-mel, telefon atau surat. Pihak kami juga akan melanjutkan tempoh pengekalan tersebut sekiranya lanjutan tempoh pengekalan tersebut adalah perlu daripada segi undang-undang

Keselamatan Data

Kami akan mengambil segala langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan laman web ini termasuklah dengan menggunakan teknologi terkini yang terdiri daripada protokol *Secure Socket Layer (SSL) / Transport Layer Security (TLS)* bagi penggunaan laman web ini berhubung dengan mana-mana penghantaran data peribadi daripada anda kepada kami melalui laman web ini. Kami juga menggunakan “encryption” untuk melindungi data yang diberikan oleh anda kepada kami. Kami juga mengenakan piawaian yang ketat bagi tujuan pentadbiran dan keselamatan untuk menghalang capaian, pendedahan, pengubahan dan kemusnahan yang tidak dibenarkan oleh pihak anda. Bagi melindungi data peribadi anda, semua storan elektronik dan sebarang penghantaran data peribadi akan dilindungi dan disimpan dengan menggunakan mana-mana penyimpanan yang selamat yang sesuai serta lain-lain teknologi keselamatan yang berkaitan.

Data Mengenai Individu Lain

Jika anda memberikan kami sebarang data mengenai individu lain, sebagai contoh, data peribadi ibu bapa anda dan penjaga anda yang sah di sisi undang-undang, anda mengakui dan mengesahkan bahawa individu tersebut telah melantik anda untuk bertindak bagi pihaknya dan telah bersetuju bahawa anda boleh:

- ◆ memberi kebenaran bagi pihak mereka untuk membenarkan kami untuk memproses data peribadi mereka;
- ◆ menerima bagi pihak mereka apa-apa notis perlindungan data; dan
- ◆ menjamin bahawa anda telah mendapatkan keizinan daripada mereka untuk membenarkan kami menyimpan data peribadi mereka.

Cookies

Apabila anda melawat laman web kami atau menggunakan perkhidmatan dalam talian kami, laman web kami akan mewujudkan satu 'cookie'. 'Cookie' adalah sebahagian maklumat, seperti tanda nama, yang diciptakan oleh beberapa laman web terhadap komputer anda. Untuk makluman, 'Cookie' yang dicipta oleh laman web kami adalah digunakan untuk menyimpan beberapa maklumat asas yang membantu kami untuk mengenal pasti jika anda pernah melawat laman sesawang kami dan menyambut anda sekiranya anda pernah melawat laman web kami dan memberikan beberapa butiran peribadi. Walau bagaimanapun, oleh kerana 'cookie' ini adalah berdasarkan kepada komputer anda, pihak kami tidak bertanggungjawab untuk mencari 'cookie' ini sekiranya

anda melawat laman web kami menerusi komputer yang berbeza dengan komputer yang anda telah daftarkan dengan kami. Kami hanya menggunakan '*non-persistent cookies*' atau '*cookies per-session*' yang mempunyai fungsi teknikal untuk menukarkan bahasa yang digunakan laman web kami. "*Cookies*' ini tidak menyimpan atau merekod data secara kekal dan ia tidak akan disimpan dalam cakera keras komputer anda. Sebaik sahaja anda meninggalkan pelayar laman web, '*cookies*' ini terpadam secara automatik.

Apa yang akan Berlaku jika Saya Membuat Pautan kepada Laman Web yang Lain?

Laman web ini mempunyai pautan ke laman web lain yang dipunyai oleh syarikat-syarikat di dalam organisasi kami dan juga pihak-pihak lain. Polisi privasi ini hanya boleh digunakan untuk laman web pihak kami. Anda adalah diingatkan bahawa laman web yang mempunyai pautan di laman web kami mungkin mempunyai polisi privasi yang berbeza dan pengunjung dinasihatkan supaya meneliti dan memahami polisi privasi bagi setiap laman web yang dilayari.

Pindaan Polisi

YTM berhak melakukan sebarang perubahan di dalam polisi ini. Sila layari laman web dengan kerap ini untuk mendapatkan perubahan terkini mengenai polisi ini.